



SEBAHAGIAN penerima Anugerah Jasa Setia 2015 bangga menerima anugerah itu.

# Anugerah pengiktirafan penyuntik semangat

UB 7.5.2016 BS

KOTAKINABALU: Presiden Kesatuan Kakitangan Am UMS (Kekaumas), Amat Jutrah Haji Musnih adalah antara 154 warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang menerima Anugerah Jasa Setia sempena Majlis Anugerah Kecemerlangan Universiti (AKU) UMStahun 2015 yang telah diadakan di Kompleks Dewan Kuliah, UMS, kelmarin.

Turut menerima anugerah yang sama ialah Jideh Jurin, Nordin Wahid, Hassan Insi, Awang Damit Sidop, Lupin Legonoi, Latif Salleh, Christoper, Bujang Kadir, Shani Salahuddin, Rezali Salleh, Adizah Mahsar dan Rumi Awong.

Rata-rata penerima Anugerah Jasa Setia berpuas hati dengan anugerah yang diberikan dan mereka mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan khususnya kepada Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Pendaftar UMS, No'man Haji Ahmad.

Amat Jutrah berkata anugerah itu merupakan satu pengiktirafan yang tinggi nilainya bagi setiap staf yang telah berkhidmat selama 20 tahun di UMS.

Perkhidmatan mereka yang telah mencapai 20 tahun semenjak mula bertugas di UMS memang telah banyak memberikan sumbangan daripada pelbagai bidang tertentu untuk membantu UMS ke arah lebih cemerlang,"katanya.

Beliau menasihatkan kakitangan yang masih baharu dan muda agar terus menabur bakti kepada UMS dengan memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan khususnya pelajar dan masyarakat Sabah amnya.



AMAT JUTRAH



JIDEH JURIN

Bagi Jideh Jurin, anugerah seperti itu sebagai satu penghargaan yang terbaik kepada staf yang telah setia bersama UMS selama 20 tahun yang lalu.

"Saya bersyukur dengan penghargaan itu dan ianya memberikan semangat baharu untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada UMS," katanya.

Nordin dan Hassan Insi berkata anugerah itu merupakan salah satu pendorong kepada semua staf yang telah lama berkhidmat agar terus setia bersama UMS sehingga bersara kelak.

"Selama 20 tahun berkhidmat dengan UMS, pihak pengurusan telah menjaga kebajikan dan hak-hak pekerja termasuk


► 154 warga UMS terima Anugerah Jasa Setia 2015



ADIZAH MAHSAR



RUMI AWONG



RUSIADI KARIM

memberikan pelbagai anugerah,"katanya.

Adizah dan Rumi Awong juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan kerana memberikan Anugerah Jasa Setia untuk staf yang sentiasa bersama dengan UMS.

"Anugerah Jasa Setia membuktikan pengurusan UMS sentiasa mengiktiraf jasa dan pengorbanan kakitangannya dalam sama-sama memercu kegemilangan universiti di peringkat nasional dan antarabangsa,"katanya.

Selain Anugerah Jasa Setia, pihak pengurusan juga memberikan Anugerah Jasa Bakti, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Pengurusan Kewangan, Penjana Pendapatan, Anugerah Penerbitan, Anugerah Eco Campus, Anugerah Laman Web, Pengurusan Organisasi, Anugerah Penggerak Inovasi dan Anugerah Pengurusan Makmal.

Anugerah itu diberikan

kepada pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di UMS Kota Kinabalu, UMS Kampus Antarabangsa Labuan dan UMS Sandakan.

Majlis penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah.



PEGAWAI kanan turut menerima Anugerah Jasa Setia 2015.